

Headline	800 sertai program tanam pokok AEON		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,653
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,959



(Dari kiri) Pengarah Urusan AEON ASEAN, Shinobu Wasnizawa, Abdul Latif dan Abdullah **menanam pokok** pada prapembukaan AEON Mall Ipoh Klebang, semalam.

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

800 sertai program tanam pokok AEON

Ipoh: Lebih 800 peserta dan sukarelawan terbabit dalam aktiviti menanam pokok 'AEON Hometown Forest Program' anjuran AEON Company Malaysia Bhd (AEON Malaysia) sempena prapembukaan AEON Mall Ipoh Klebang.

Program itu adalah tradisi yang dilaksanakan AEON dalam setiap pembukaan pusat beli-belah baharu anjuran mereka bagi menggalakkan kempen hijaukan bumi dalam kalangan masyarakat.

AEON Mall Ipoh Klebang menjadi yang ke-24 dibuka di negara ini.

Tanam 13,673 pokok

Sebanyak 13,673 pokok ditanam di sekitar kawasan AEON Mall Ipoh Klebang semalam yang akan dibuka kepada umum pada 21 Oktober ini termasuk 30 spesies pokok yang dikategorikan sebagai hampir pupus ditanam di seluruh kawasan pusat beli-belah berkenaan.

Antara spesies pokok

terancam yang ditanam termasuk pokok gaharu, katong laut, kenanga, cengal, sepetir daun lebai serta spesies pokok buah-buahan dan herba.

Program dirasmikan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abdul Latif Mahmod.

Yang turut hadir, Pengerusi AEON Malaysia, Datuk Abdullah Mohd Yusof dan Pengarah Urusan AEON Malaysia, Nur Qamarina Chew Abdullah.

Abdul Latif berkata, FRIM memuji langkah dilaksanakan AEON Malaysia menanam semula pokok bagi memberikan kesedaran kepentingan menghijaukan bumi.